



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA  
DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA  
MAJLIS SEMARAK SINAR RAMADHAN  
RUMAH RUMAH KANAK-KANAK SULTANAH HAJAH KALSOM**

**PADA  
4 JULAI 2014 (SABTU)**

<SALUTASI>

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Saudara/i Pengacara Majlis;  
Tuan-Tuan, Puan-Puan serta anak-anak yang diraikan sekalian  
Salam Sejahtera,  
Salam 1Malaysia.

### **PENDAHULUAN**

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan berkat dan rahmatNya kita dapat bersama dalam majlis pada petang yang bermakna ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang kerana menjadi tuan rumah bagi Majlis Semarak Sinar Ramadhan bagi meraikan anak-anak daripada Rumah Kanak-kanak Sultanah Hajah Kalsom dan Rumah Anak-anak yatim di sekitar Negeri Pahang.
2. Sesungguhnya majlis seumpama ini amat bermakna khususnya kepada anak-anak di sini yang amat mengharapkan perhatian, beliaian kasih sayang, dan penghargaan daripada kita semua. Melalui majlis yang diadakan ini, diharapkan kanak-kanak di sini turut merasai suasana gembira pada bulan yang penuh keberkatan ini.

### **KERJASAMA DALAM MEMBANGUNKAN PENTADBIRAN INSTITUSI DAN NGO**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

3. Seperti mana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat diberi tanggungjawab untuk memberi perlindungan, penjagaan serta membangunkan kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga emas termasuklah yang berada di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga di Pertubuhan Sukarela Kebajikan. Kementerian sentiasa menghadapi pelbagai cabaran dalam menangani masalah sosial yang semakin

membimbangkan melibatkan kumpulan sasaran. Antaranya gejala yang menyedihkan seperti penderaan kanak-kanak, pembuangan bayi, kanak-kanak, keganasan rumahtangga dan pengabaian kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya. Sebilangan daripada mereka ini akan ditempatkan di Institusi-institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebahagiannya ditempatkan di Institusi yang diuruskan di bawah pertubuhan Sukarela Kebajikan (NGO). Kedua-dua institusi ini telah melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang besar untuk memberi perlindungan dan penjagaan kepada penghuninya. Di sinilah terletak peranan Lembaga Pelawat Rumah Kanak-Kanak dan pihak NGO untuk menyokong Kementerian dengan membantu dalam pentadbiran dan pengurusan Institusi-institusi ini. Saya bagi pihak kementerian mengucapkan terima kasih diucapkan kepada Ahli-ahli Lembaga Pelawat dan pihak NGO yang turut sama terlibat dalam membantu kumpulan sasaran JKM

4. Justeru, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pelawat Rumah Kanak-kanak Sultanah Hajah Kalsom dan NGO atas segala sumbangan dan sokongan yang diberikan kepada anak-anak di Institusi. Bantuan kepada mereka yang memerlukan tidak hanya terhadap bentuk kewangan dan material semata-mata. Sedikit peruntukan masa, tenaga, sokongan dari segi mental dan spiritual juga mampu menjana perubahan dan membawa seribu makna kepada kanak-kanak yang memerlukan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

#### **KERJASAMA SEMUA PIHAK UNTUK MENANGANI KES PENDERAAN KANAK-KANAK**

5. Hampir setiap hari kita membaca dan mendengar mengenai kes penderaan kanak-kanak samada di akhbar, tv atau media sosial. Statistik kes penganiayaan, pengabaian, keganasan dan eksploitasi terhadap kanak-kanak bagi tahun 2013 adalah sebanyak 4119 kes manakala tahun 2014 adalah sebanyak 4295 kes. Statistik ini menunjukkan peningkatan kes dan ini amat-amat membimbangkan kita.
6. Pada tahun 2014 kita juga telah dikejutkan dengan kes pengabaian seorang kanak-kanak kurang upaya, adik Firdaus yang dibiarkan dalam keadaan tidak terurus oleh ibu kandungnya sendiri. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan kes penderaan adik Nur Zuliana Zaa'ra bt. Mohd Misbahuddin (Adik Yaya), kanak-kanak berusia lima tahun yang didera oleh bapa dan ibu tiri sehingga menyebabkan kecederaan parah iaitu patah 13 tulang di bahagian tulang rusuk, bahu, belakang badan dan pinggul. Selain itu beliau juga terpaksa di bedah untuk membetulkan usus yang terlipat berikutan penderaan yang kerap dan kurang makanan berkhasiat. Berita-berita sebegini amat memilukan kita yang membaca dan mendengarnya.
7. Oleh itu, saya menyeru semua anggota masyarakat untuk bekerjasama dengan kerajaan bagi membentasi gejala-gejala negatif seperti ini daripada terus menular dalam masyarakat. Untuk makluman, pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyediakan Talian Kasih iaitu 15999 bagi membolehkan orang ramai membuat aduan mengenai kes-kes penderaan. Pihak kementerian amat-amat menghargai keperihatinan dan kerjasama masyarakat dalam menangani kes-kes seumpama ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

## **HARAPAN BUAT KANAK-KANAK**

8. Penduduk Malaysia telah meningkat daripada 23.49 juta orang pada tahun 2000 kepada 29.34 milion pada tahun 2012. Jumlah penduduk kini terdiri daripada kira-kira 7.76 orang (26.4%) di bawah umur 15 tahun. Maka golongan kanak-kanak ini akan merupakan pewaris masa hadapan. Justeru, pembentukan sahsiah dan akal fikiran kanak-kanak harus bermula dari peringkat awal lagi. Saya percaya bahawa pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak Institusi, Lembaga Pelawat Rumah Kanak-kanak dan NGO berkaitan dengan aktiviti pembelajaran kanak-kanak di Rumah Kanak-Kanak dan di NGO bagi memastikan kecemerlangan masa hadapan mereka.
9. Oleh itu saya amat berharap supaya semua anak-anak yang hadir pada majlis ini tidak mensia-siakan peluang yang ada di Institusi ini. Anak-anak perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menjadi pelajar yang cemerlang dalam pelajaran serta mampu berdikari pada masa hadapan. Kepada anak-anak yang telah berjaya dalam peperiksaan UPSR dan PT3 pada tahun 2014 saya mengucapkan tahniah dan kepada yang kurang berjaya saya nasihatkan jangan berputus asa dan terus berusaha, usaha itu tangga kejayaan.
10. Kepada anak-anak yang akan mengambil peperiksaan besar pada tahun ini iaitu UPSR, PT3 dan SPM, contohilah kakak-kakak dan abang-abang yang telah mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan yang lalu. Kejayaan ini boleh dicapai melalui usaha bersungguh-sungguh serta sentiasa bersemangat untuk mencapai kejayaan. InsyaAllah kejayaan akan menjadi milik anak-anak dan akhirnya segala impian yang dicita-citakan selama ini akan menjadi kenyataan. Saya berdoa ke hadrat Allah SWT semoga anak-anak beroleh kejayaan cemerlang dalam peperiksaan nanti dan mencapai cita-cita yang diidamkan selama ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

## **MEMBANYAKAN IBADAH DI BULAN RAMADHAN**

11. Malam ini adalah malam ke 17 Ramadhan bersamaan dengan Hari Nuzul Al-Quran, hari yang mana Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w untuk menjadi panduan dan pedoman hidup kepada seluruh umat Nabi Muhammad SAW. Dengan itu, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut Nuzul Quran dan selamat meneruskan ibadah puasa dengan azam dan tekad untuk menjadi ibadah yang terbaik. Diharap kita semua dapat meningkatkan lagi amalan terutamanya pada malam-malam terakhir ramadhan dengan bersolat tarawih, membaca Al-Quran dan berqaimulai iaitu dengan menghidupkan amalan malam. Seterusnya marilah kita sama-sama berdoa agar Ramadhan Al-mubarak akan menjadikan kita manusia yang lebih baik lagi selepas ini, setelah melalui madrasah Ramadhan InsyaAllah.
12. Saya juga berharap Sinar Ramadhan yang kita semarakkan ini, dapat memantapkan lagi hubungan sesama kita baik sebagai rakan sekerja, sahabat handai dan seterusnya sesama kita sebagai khalifah di atas muka bumi ini untuk berkerja bersama-sama memakmurkan bumi Allah SWT dengan penuh keikhlasan.

## **PENUTUP**

13. Akhir sekali, sukacita saya mengambil kesempatan ini sekali lagi mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Jabatan Kabajikan Masyarakat Negeri Pahang dan Rumah Kanak-Kanak kerana menjayakan majlis ini. Semoga keikhlasan tuan-tuan dan puan-puan sekelian mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah SWT.
14. Sebagai seorang ibu dan juga menteri yang bertanggungjawab terhadap kesejahteraan kanak-kanak, saya menyeru agar kita semua dapat memberikan yang terbaik kepada kanak-kanak. Berilah belaian kasih sayang, pendidikan, perhatian yang sewajarnya kepada mereka. Anak-anak yang membesar dengan perhatian yang sempurna akan menjadi anak-anak yang berdaya maju, kreatif, inovatif, hebat dan berkarismatik. Ini kerana anak-anak pada hari ini akan menjadi penyambung legasi kepimpinan dan transformasi Negara.
15. Kepada semua anak-anak, marilah bersama-sama memanjatkan rasa kesyukuran kerana masih ada pihak yang mengambil berat dan prihatin kepada anak-anak semua.
16. Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri terutama kepada anak-anak yang kita kasih dan seluruh warga Kementerian serta JKM tak lupa hadirin dan hadirat.

SAYA SUDAH UCAPAN INI DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH,  
WASSALAMUALAIKUM WARAH MATULLAHI WABARAKATUH.